

21 DEC 1998

Mahkamah-Anwar (Surat)

UMMI HAFILDA MULA BERI KETERANGAN PADA PERBICARAAN ANWAR

KUALA LUMPUR, 21 Dis (Bernama) -- Saksi utama perbicaraan Datuk Seri Anwar Ibrahim, Ummi Hafilda Ali memberi keterangan hari ini bahawa beliau menulis surat kepada Perdana Menteri mengenai dakwaan salah laku seks Anwar kerana beliau dan keluarganya mengalami tekanan emosi yang paling kritikal sejak mengetahui perkara itu.

Pengarah Karisma Advertising itu berkata beliau juga menulis surat "Perihal Salahlaku Timbalan Perdana Menteri" itu untuk memohon budibicara Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya menyiasat laporan itu dan memohon perlindungan keselamatan bagi pihaknya dan keluarga.

Ummi Hafilda, 31, berkata demikian di Mahkamah Tinggi di sini semasa memberi tujuh sebab kenapa beliau menghantar surat itu kepada Perdana Menteri apabila ditanya oleh Timbalan Kanan Pendakwa Raya Azahar Mohamed.

Empat lagi sebab yang diberikan oleh Ummi Hafilda ialah:-

*Menegakkan kebenaran demi kepentingan parti (Umno) dan negara.

*Memohon Perdana Menteri menyelamatkan abangnya Mohd Azmin Ali daripada terus berkhidmat dengan orang yang telah menganiaya Azmin iaitu Anwar.

*Memohon hukuman yang setimpal sekiranya laporan yang diberikan adalah benar sebagai satu peringatan kepada pemimpin yang lain supaya tidak menyalahgunakan kuasa dengan kedudukan yang ada.

*Menyekat perbuatan luar tabii manusia iaitu hubungan sejenis.

Ummi Hafilda berkata surat itu merupakan satu laporan sulit kepada Perdana Menteri yang juga mengandungi pengakuan Azizan Abu Bakar, bekas pemandu isteri Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail yang dikenalnya lebih dua tahun lalu.

Sebelum ini, Azizan yang mengaku dalam surat itu diliwat oleh Anwar, telah dipanggil sebagai saksi yang ke-12 untuk memberi keterangan pada perbicaraan kes itu yang bermula 2 Nov.

Ummi Hafilda merupakan saksi ke-16 yang dipanggil memberi keterangan pada perbicaraan kes rasuah Anwar yang menghadapi empat tuduhan menyalahgunakan kuasa dan kedudukannya untuk campur tangan dalam siasatan polis berhubung dakwaan salahlaku seks terhadapnya.

Beliau dituduh mengikut Seksyen 2(1) Ordinan No. 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat, 1970, yang boleh membawa hukuman penjara maksimum 14 tahun dan denda sehingga RM20,000 atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

-- BERNAMA

NHD RON